

bulletin

EDISI 5 horizon

Saluran Berita dan Maklumat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor



KUIS Jalin Kerjasama Dengan Hospital Pakar An-Nur



Halaman 3

Student's SMART 2011 Lahirkan "A sought after leader"



Halaman 3

Strategy Map Retreat 2011 (SMART'11)



Halaman 4 dan 5

MPM KUIS 2011 Lafaz Ikrar

Halaman 6



h7

Demi Masa Depan
320 Staf Akademik KUIS
Jayakan SMART'11



P lan Transformasi MAIS 2011-2014 memperlihatkan elemen 3T dan 2I , iaitu *Tajdid* (Pembaharuan), *Taghyir* (Pengubahan), *Tabdil* (Penggantian), *Islah* (Pembaikan) dan *Ihya'* (penyemarakan) menjadi pemangkin transformasi semua anak syarikat MAIS termasuk KUIS. Sebagai sebuah institusi pendidikan, KUIS proaktif dengan agenda transformasi tersebut apabila menganjurkan *Program Strategy Map Retreat 2011* (SMART'11) pada 15-16 Januari 2011 yang menghimpunkan sejumlah besar kakitangan akademik bagi melakar masa depan KUIS secara kolektif atau *jama'ie*. Dua persoalan besar yang dikemukakan, iaitu apa yang mencerminkan insan KUIS sebagai insan ta'dib dan apa yang menggambarkan Islam dalam erti kata yang sebenar.

Apabila KUIS komited untuk menjayakan agenda adab dan *ta'dib* bagi mencerminkan insan KUIS yang sebenar yang menghayati Islam, ia bukan agenda untuk satu tahun, bukan 10 tahun tetapi bertahun-tahun. Bak kata orang bijak pandai, iaitu jika kita merancang satu tahun kita tanam padi, jika kita merancang untuk 10 tahun kita tanam pokok, jika merancang 100 tahun kita didik manusia.

Sedar atau tidak, hampir setahun kita dikemukakan, didengarkan dan didehdahkan dengan kalimah adab dan *ta'dib* dalam pelbagai wacana dan forum. Namun, ia bukanlah dendangan dan alunan 'lagu' baru dalam arena kesarjanaan. Barangkali ia baru bagi kita di KUIS untuk kita memahaminya dalam erti kata yang sebenarnya. Ia sebenarnya telah ditulis, diwacana dan dikupas oleh para ilmuan serta sarjana muslim.

Antara ilmuan Islam yang terawal menulis tentang adab secara langsung melalui tajuk buku ialah Abu al-Najib `Abd al-Qadir al-Suhrawardi (m. 1169) melalui tulisannya yang berjodol *Adab al-Muridin* (*Education of Students*). Malah, kita juga boleh membaca tulisan-tulisan sarjana kontemporari seperti Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas yang membicarakan persoalan tersebut melalui tulisan beliau seperti *The Concept of Education in Islam, Risalah Untuk Kaum Muslimin, Aims and Objectives of Islamic Education*.

Malah kita juga boleh melihat kupasan mengenai idea-idea al-Attas tersebut yang disempurnakan oleh Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud melalui bukunya *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib Al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization* dalam sub topik *A Man Of Adab*. Prof. Al-Attas misalnya memberikan beberapa contoh bagaimana adab boleh dimanifestasikan dalam kehidupan seseorang insan, seperti adab terhadap diri sendiri, adab terhadap bahasa, adab terhadap alam sekitar.

Begitu pentingnya masalah adab ini, maka ia berkait rapat dengan jatuh bangunnya umat Islam, ia juga berkait rapat dengan persoalan sejauh mana mereka dapat memahami dan menerapkan konsep adab dalam kehidupan mereka. Insan yang beradab terhadap orang lain sudah pasti mengetahui bagaimana mengenali dan mengakui seseorang sesuai dengan martabatnya. Martabat ulama yang soleh berbeza dengan martabat orang fasik yang derhaka kepada Allah s.w.t. Jika al-Quran dengan jelas menyebutkan bahawa manusia yang paling mulia di sisi Allah adalah mereka yang paling bertakwa, maka seseorang yang tidak beradab tidak akan menghormati penguasa atau pemerintah yang zalim berbanding guru al-Quran yang tinggal di kampung tetapi terkenal dengan kesolehannya.

Adab juga berkait rapat dengan persoalan tauhid. Ini kerana adab kepada Allah s.w.t. mengharuskan seseorang hamba tidak mensyirikkan Allah. Tindakan menyamakan al-Khaliq dengan makluk merupakan tindakan yang tidak beradab. Tauhid merupakan konsep asas dan fundamental bagi pembangunan manusia beradab. Justeru Islam mengajarkan bahawa masyarakat yang beradab harus meletakkan *al-Khaliq* di tempat-Nya sebagai *al-Khaliq* dan jangan disamakan dengan makhluk. Itulah adab kepada Allah s.w.t.

Sebagai kesan adab kepada Allah s.w.t., maka adab kepada Rasul-Nya sudah tentu adalah dengan cara menghormati, mencintai dan menjadi Baginda sebagai *qudwah hasanah*. Adab tersebut bukan bersifat musim-musiman dan bersifat *ceremonial* tetapi berterusan atau tekal.

Apabila kita mempunyai azam dan komitmen untuk menjadikan KUIS sebagai universiti *ta'dib* dalam konteks melahirkan insan yang beradab (*mu'addib* dan *mu'addab*), ia bukan agenda pinggiran yang boleh dibuat secara main-main. Kita seharusnya menggarap persoalan *ta'dib* secara tuntas dan serius agar apa yang kita cita-citakan tercapai. Sementara ada Institut Pengajian Tinggi yang mahu mengejar status *Research University*- RU (Universiti Penyelidikan), kita berbangga mahu mempunyai status *Ta'dib University* – TU (Universiti Ta'dib). Mudah-mudahan masyarakat berbondong-bondong datang ke KUIS dalam erti melihat KUIS sebagai *A Sought-After University; Not A Left-Over Choice*.

Justeru, marilah kita mengorak langkah dengan mengadakan pelbagai wacana untuk kita memahami persoalan *ta'dib* supaya kita dapat melihat di KUIS ini adanya orang baik (*a good man*) yang menerima *ta'dib* sebagai landasan pendidikannya di KUIS ini, Insya Allah.

Dr. Haji Zulkifli Haji Aini

Sidang Pengarang

Penaung Prof.Dato' Dr Aziuddin Ahmad, Rektor KUIS
Editor Perunding Dr.Haji Zulkifli Haji Aini

Wartawan Nur Adzlin Ishak
 Mohd Hanif Mat Noor

Perunding Grafik Mohd Baihaqi Ramli
 Noor Hazian Abdullah

Jurugambar Mohd Amin Tumirin
Penerbit BPK KUIS

Segala isi kandungan di dalam percetakan ini adalah hak milik KUIS dan pemberi maklumatnya. Apa-apa jenis penggunaan yang lain termasuklah peniruan, pengubahsuaian, pengedaran, penyiaran, penerbitan semula adalah dilarang sama sekali.

KUIS Jalin Kerjasama Dengan Hospital Pakar An-Nur



KUIS - Hospital Pakar An-Nur meterai kerjasama

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Hospital Pakar An-Nur dalam usaha menjalin kerjasama dalam bidang kejururawatan.

Majlis menandatangani MoU itu telah disempurnakan dalam satu majlis ringkas yang turut dihadiri Rektor KUIS, Professor Dato' Dr Aziuddin Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif, Hospital Pakar An-Nur, Tuan Hj Shaharom Md Shariff.

Dalam ucapannya, Rektor KUIS Profesor Dato' Dr Aziuddin Ahmad berkata menerusi kerjasama dua hala ini telah memberi peluang kepada pelatih-pelatih kejururawatan KUIS untuk menjalani latihan klinikal di hospital pakar An-Nur.



Merintis kerjasama dua hala dalam bidang kejururawatan

"KUIS juga berharap apabila Hospital Pakar An-Nur siap sepenuhnya nanti akan dapat menambah bilangan pelatih KUIS menjalani latihan klinikal seterusnya berkhidmat di sana," katanya ketika berucap di majlis menandatangani MoU tersebut.

Hadir sama menyempurnakan MoU ialah Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Pakar An-Nur, Tuan Hj Shaharom Md Shariff, Ketua Pegawai Operasi, Che Mahmud Mohd Nordin, Pengurus Sumber Manusia, Pn Radziah Mahmud Muhaidin, Ketua Jururawat, Puan Siti Azifah Mohamad dan Pengurus Pembangunan Perniagaan, Pn. Normazita Neimad.

STUDENT'S SMART 2011 melahirkan "A sought after leader"

Seramai 97 orang wakil pimpinan mahasiswa KUIS terdiri daripada Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM), Majlis Perwakilan Nuqaba, Jawatankuasa Pimpinan Mahallah (JAPIM) dan juga wakil pimpinan persatuan fakulti dan pusat telah menghadiri program tersebut yang diadakan di Kem Excell Training, Lenggeng.

Program ini turut disertai oleh Dekan-Dekan dan Timbalan Dekan fakulti dalam membina semangat kebersamaan antara pimpinan mahasiswa yang bernaung di bawah Majlis Perwakilan Mahasiswa KUIS.



Mahasiswa bersama mendokong aspirasi KUIS



Aktiviti lasak mampu melahirkan mahasiswa cerdas dan aktif serta cekap menghadapi cabaran.


Program 2 hari 1 malam ini memberikan pendedahan kepada pimpinan mahasiswa untuk bersama-sama mendokong halatuju KUIS ke arah melahirkan mahasiswa ta'dibi. Bertemakan 'A sought after leader" membuktikan bahawa pimpinan mahasiswa KUIS mampu merealisasikan harapan KUIS melalui pendekatan yang telah dibincangkan sepanjang program berlangsung.

Antara pengisian program adalah sesi taklimat yang disampaikan oleh Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa & Alumni) iaitu Dr Nor'Adha Abd Hamid diikuti dengan Ustaz Abdullah Endut melalui slot Melahirkan Mahasiswa Ta'dibi, Pelan Pemerkasaan Mahasiswa, sesi Sentuhan Qalbu dan Santapan Qalbu, aktiviti hijau dan biru, Qiamullail dan juga 'Skill Set" yang dibentangkan oleh Timbalan Dekan (Pembangunan Mahasiswa) yang terpilih.

Sekitar Program

Strategy Map Retreat 2011 (SMART'11) KUIS

15 hingga 16 Januari 2011 di PNB Ilham Resort, Port Dickson





Pensyarah KUIS Menang Pingat Perak Pertandingan Inovasi



Laman web kreatif sarat nilai-nilai moral berjaya tarik minat juri

KUIS berjaya meraih pingat perak dalam 'IIUM Research, Invention and Innovation Exhibition 2011 (IRIIE 2011)' yang telah diadakan pada 9-10 Februari lepas.

KUIS yang diwakili oleh pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Nasimah Abdullah telah mempertandingkan kertas kerja beliau bertajuk "The Effectiveness of Children's Arabic Literature Websites In Developing Islamic Values Through Poetry" menerusi kategori Pendidikan Islam.

Kertas kerja beliau telah menarik perhatian juri kerana berjaya mengetengahkan penggunaan laman web secara kreatif untuk mendidik anak-anak dengan nilai-nilai Islam.

Nasimah Abdullah yang sedang cuti belajar Phd di UIAM sejak Jun 2008 telah mula berkhidmat dengan KUIS dari tahun 1999.

IRIIE 2011 merupakan suatu platform anjuran UIAM bertujuan mengiktiraf pencapaian staf akademik UIAM dalam penyelidikan dan pembangunan akademik selain memperkenalkan dapatkan kajian untuk dikongsi dengan ahli akademik yang lain.



Majlis Perwakilan Mahasiswa KUIS Lafaz Ikrar

Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) KUIS sesi 2010/2011 yang baru telah melafazkan ikrar dalam satu majlis bai'ah yang telah disempurnakan pada 17 Januari lalu. Majlis bai'ah yang buat pertama kali dilaksanakan di Masjid Al-Azhar KUIS turut disaksikan Rektor KUIS, Professor Dato' Dr Aziuddin Ahmad.

Lafaz ikrar diketuai oleh Saudara Mohamad Rijaludeen Mohamad Anwar sebagai Presiden beserta 25 orang exco dan senator mewakili MPM yang telah disahkan pelantikan oleh Jawatankuasa Pilihanraya KUIS pada 6 Januari 2011.

Dalam ucapan amanat, Professor Dato' Dr Aziuddin Ahmad mengucapkan tahniah di atas pelantikan ahli majlis perwakilan yang baru dan berharap agar jawatankuasa yang dipilih akan sama-sama berusaha untuk membangunkan pelajar KUIS yang penuh dengan ta'dibi.

Menurut beliau, Ta'dib hanya boleh diperolehi daripada pembelajaran di universiti dan justeru itu KUIS perlu mempunyai



Barisan kepimpinan mahasiswa melafaz ikrar

ikon tersendiri iaitu menjadi sebuah universiti yang melahirkan generasi ta'dibi.

"MPM KUIS perlu mendokong visi dan aspirasi KUIS ke arah mencipta kecemerlangan diri dan universiti selain mempunyai ciri-ciri kepemimpinan ulung," kata beliau.

Sementara itu, penyampaian sijil kepada mantan MPM sesi 2009/2010 turut diadakan sebelum diakhiri dengan solat Asar berjamaah.

Warga KUIS mengucapkan tahniah kepada pelajar yang dipilih menerajui MPM dan berharap MPM penggal 2010/2011 akan meneruskan legasi kecemerlangan seperti ditunjukkan MPM sebelumnya.

Turut hadir ialah Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan, Dr Zulkefli Aini, Timbalan Rektor Mahasiswa dan Alumni, Dr Nor'Adha Abd Hamid, Pendaftar, Encik Abdul Karim Noh Shah dan Ketua Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Ustaz Imran Kamal Basah.



Rektor KUIS menyampaikan amanat kepada kepimpinan baru MPM 2010/2011



320 Staf Akademik KUIS Jayakan SMART'11

Seramai 320 orang kakitangan akademik KUIS telah menjayakan Program Strategy Map Retreat 2011 (SMART'11) yang telah diadakan pada 15 dan 16hb Januari 2011 bertempat di PNB Ilham Resort, Port Dickson.



Penuh makna...Rektor KUIS berkongsi visi, misi dan halatuju serta masa depan KUIS.

Program yang julung-julung kali diadakan ini telah mengumpulkan hampir keseluruhan tenaga akademik KUIS bertujuan untuk menentukan halatuju dan membuat keputusan untuk KUIS secara bersama (Amal Jamaie). Turut terlibat ialah pengurusan KUIS yang bertindak sebagai moderator dan pemudahcara.

Program yang dikenali dengan nama SMART'11 ini mendapat sambutan dan komitmen yang amat menggalakkan kerana ianya memberikan ruang dan peluang kepada semua peserta berkongsi maklumat dan menyumbangkan idea di dalam menentukan halatuju KUIS.

Program selama dua hari dimulakan dengan sesi pembentangan oleh YBhg. Rektor, Prof. Dato' Dr. Aziuddin Ahmad disusuli sesi sumbang saran oleh para peserta. Antara intipati perbincangan turut menentukan KUIS sebagai sebuah universiti Islam yang sebenarnya berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah.

Selain itu, para peserta turut terlibat menjayakan aktiviti lain yang telah dijadualkan pihak pengajar termasuk sesi perbincangan dalam kumpulan, solat berjemaah, aktiviti riadah, aktiviti pantai, Qiyamullail dan slot sentuhan dan santapan qalbu.

Semoga SMART'11 dapat membina dimensi baru dalam menentukan halatuju dan membuat keputusan demi kecemerlangan KUIS sebagai Universiti Ta'dibi.



83 Terima Anugerah Khidmat Cemerlang

Seramai 83 warga kerja KUIS menerima anugerah pada majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUIS 2009 sempena Majlis Ucapama Maal Hijrah 1432 di Pusat Konvensyen KUIS di sini baru baru ini.

Majlis Ucapama Maal Hijrah itu telah disempurnakan oleh Pengurus MAIS, YAD Dato' Setia Hj Mohamad Adzib Mohd Isa merangkap ahli lembaga pengarah KUIS.

Dalam ucapannya, beliau berkata Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diberikan kepada warga KUIS itu adalah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan mereka kepada organisasi.

"Warga KUIS perlu membudayakan prestasi pencapaian dengan menjadikan Al-Quran sebagai panduan kerana sesungguhnya kita adalah umat terbaik yang diciptakan oleh Allah sebagai khalifah di dunia ini."

"Warga KUIS juga perlu melakukan transformasi ke arah kecemerlangan pengurusan dan urus tadbir terbaik agar KUIS terus relevan memacu kecemerlangan ummah," katanya .

Sebagai penghargaan, seramai 40 penerima Anugerah Khidmat Cemerlang menerima hadiah prestasi bernilai RM700 dan sijil penghargaan.

Bagi kategori Anugerah Khidmat Setia pula, seramai 42 orang warga telah menerima RM500 dan sijil penghargaan sebagai penghargaan di atas sepuluh tahun perkhidmatan bersama KUIS.

Manakala Anugerah Emas bagi kakitangan yang bakal bersara atau telah menamatkan perkhidmatan dalam tahun semasa menerima RM1,000 dan sijil penghargaan.

Turut hadir pada majlis itu, Rektor KUIS, Professor Dato' Dr Aziuddin Ahmad, Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan, Dr Zulkefli Aini, Timbalan Rektor Mahasiswa dan Alumni, Dr Nor'Adha Abd Hamid dan 500 orang warga kerja KUIS.



Pengerusi MAIS, YAD Dato' Setia Mohd Adzib bin Mohd menyampaikan sijil kepada penerima Anugerah Emas, Encik Zulkifli bin Abu Nipah.



Pemenang APC bergambar kenangan dengan Pengurus MAIS dan pengurusan KUIS.

Pengerusi MAIS Sempurnakan Majlis Ucaptama Maal Hijrah 1432

Pengerusi MAIS, YAD Dato' Setia Hj Mohamad Adzib Mohd Isa menggesa KUIS agar terus komited menampilkan Islam sebagai model dalam pembangunan peradaban manusia yang bersepada.

Menurut beliau, KUIS perlu memainkan peranan yang signifikan sebagai sumber ilmu dan rujukan kepada persoalan-persoalan ilmu baru cetusan gelombang globalisasi serta berupaya menangani permasalahan umat dewasa ini.

"KUIS perlu melakukan transformasi agar terus relevan dan cemerlang sebagai institusi pendidikan Islam bertaraf global sesuai untuk semua golongan masyarakat," katanya ketika menyampaikan ucaptama kepada 500 orang kakitangan sempena majlis ucaptama Maal Hijrah 1432 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009 yang telah diadakan di Pusat Konvensyen KUIS pada 20 Disember.



YAD Dato' Setia Hj Mohammad Adzib menyampaikan ucapan sempena sambutan Maal Hijrah 1432.



Khusuk... Sebahagian kakitangan sedang mendengar ceramah yang disampaikan.



Pemangkin Tradisi Ilmu

Sertai Program Pra-Ijazah Kami

TAJAAN PENUH TABUNG BIASISWA REKTOR*

- Program Berkualiti & Diiktiraf MQA
- Penginapan Tersedia

- 'Fast-Track' Program Ijazah
- Elaun Sara Diri RM500

*tertakluk kepada terma & syarat

- **FA01 Kursus Asas Pengajian Islam**
KP/JPS (KA 8180) MQA (A 8180)
- **FA02 Pengajian Asasi Pengurusan**
KP/JPS (KA 8179) MQA (PA 8179)
- **FA03 Pengajian Asas Teknologi Maklumat**
KP/JPS (KA 8382) MQA (A 8382)
- **FA04 Pengajian Tahun Asas Bahasa Arab**
KP/JPS (KA 8235) MQA (A 8235)
- **FA05 Pengajian Asas Komunikasi**
KP/JPS (KA 8348) MQA (A 8348)

Mohon Sekarang! Kemasukan Mei 2011

DAPATKAN BORANG PERMOHONAN SECARA PERCUMA!

SMS kami di 15888 : KUIS<jarak>MOHON<jarak>ALAMAT EMEL atau KUIS<jarak>MOHONPOS<jarak>NAMA<jarak>ALAMAT

kuis mohon
abdullah@yahoo.
com

atau

kuis mohonpos
shiqin no 18 jln
BM 2/8 sek 2, bndr
bukit mahkota
43000 kajang, slgr

hantar
ke :

15888

* Setiap mesej yang diterima akan dicaj RM0.20 tidak termasuk caj telco.

Hotline : 1300 88 5847 / 1800 88 5847

Layari WWW.KUIS.EDU.MY
untuk program-program lain yang ditawarkan